

20 DEC 2000

Fong-IT

PERHIMPUNAN KHAS DI BUKIT JALIL BAGI GALAKKAN PENGGUNAAN IT

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan mengadakan perhimpunan khas bagi menggalakkan penggunaan teknologi maklumat di kalangan rakyat Malaysia khususnya golongan pekerja di Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil pada 17 Feb depan.

Menteri berkenaan, Datuk Dr Fong Chan Onn berkata, perhimpunan itu akan disertai oleh pelbagai syarikat komputer yang akan memberi latihan dan pendedahan percuma kepada orang ramai.

Perhimpunan itu terbuka kepada orang ramai secara percuma.

"Ia dijangka akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kementerian.

Katanya, perhimpunan itu yang mendapat kerjasama baik daripada pelbagai pihak khususnya pihak swasta, akan menyediakan kira-kira 1,000 komputer untuk memberi latihan kepada orang ramai secara percuma.

Katanya, setiap orang akan diberi latihan selama satu jam serta diberi sijil kehadiran.

Perhimpunan sehari itu dijangka dapat mendedahkan kira-kira 8,000 orang mengenai penggunaan IT yang dapat memberi manfaat kepada kehidupan seharian.

"Usaha itu dilakukan adalah untuk memperkenalkan dan meningkatkan kemahiran serta mendedahkan manfaat komputer kepada kehidupan manusia," katanya.

Beliau berharap dengan pendidikan dan pendedahan yang diberikan kerajaan itu akan dapat meningkatkan minat rakyat Malaysia menggunakan IT.

"Ini juga dapat menyediakan mereka sebagai knowledge workers," katanya.

Fong berkata, penggunaan komputer di kalangan rakyat Malaysia masih rendah jika dibandingkan negara seperti Singapura dan Hong Kong iaitu hanya 10 bagi setiap 100 orang.

Sementara itu, Kumpulan Wang Amanah Tabung Pembangunan Kemahiran akan mula memberi pinjaman kepada orang ramai tahun hadapan, tidak melebihi RM5,000 setahun, bagi yang ingin mengikuti program latihan terutamanya dalam bidang perindustrian dan teknologi maklumat dan komunikasi.

Bagaimanapun, program latihan itu mestilah diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokesional Kebangsaan.

Borang permohonan boleh diperolehi daripada Bahagian Tabung Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Unit 3A01, Tingkat 3, Blok B, Pusat Perdagangan Phileo Damansara 1, Jalan Damansara, Seksyen 16, Petaling Jaya atau Japan-Malaysia Technical Institute.

-- BERNAMA

APG AFY ZB